

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 4( )

**MINIT MESYUARAT PENUH  
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA  
BIL. 12 TAHUN 2018**

**Tarikh** : 20 Disember 2018 (Khamis)  
**Masa** : 10.30 pagi hingga 12.50 tengahari  
**Tempat** : Bilik Mesyuarat Kenanga,  
Aras 2, Ibu Pejabat,  
Majlis Perbandaran Subang Jaya  
**Kehadiran** : Seperti di Lampiran A

**1.0 BACAAN DOA**

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Mohd Amizi bin Aminuddin, Penolong Pegawai Tadbir Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

**2.0 PERUTUSAN Pengerusi**

Puan Yang Dipertua memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh MPSJ yang ke 12/2018 dan merupakan Mesyuarat Penuh yang terakhir bagi tahun 2018. Seterusnya beliau menyampaikan beberapa perkara seperti yang berikut :

- i) Pelaksanaan program-program yang telah berlangsung sepanjang bulan November dan Disember 2018. Gambar-gambar semasa program dilaksanakan juga ditayangkan.
- ii) Pemakluman Pengisytiharan Kepentingan Peribadi Bagi Mesyuarat Penuh. Semua ahli mesyuarat diwajibkan mengisytiharkan kepentingan peribadi ke atas sebarang keputusan yang dibincangkan dan hendaklah berkecuali dengan (menyatakan kepentingan dan berundur diri seketika) semasa perbincangan. Selaras dengan keputusan Mesyuarat MMKN bil 21/2018, Ahli Majlis diminta mengisi borang Pengisytiharan Kepentingan Ahli Mesyuarat setiap kali mesyuarat diadakan.
- iii) Konvensyen Pemerksaan Pihak Berkuasa Tempatan telah diadakan pada 10 dan 11 Disember 2018 bertempat di PICC Putrajaya. Konvensyen ini merupakan platform yang julung kali mengumpulkan semua Datuk Bandar, Yang Dipertua, Setiausaha Pihak Berkuasa Tempatan dan Ahli Majlis di Malaysia dalam satu wacana secara kolektif.

lanya memberi peluang kepada semua peserta berkongsi pengalaman serta berbincang untuk mencari pendekatan penyelesaian yang inovatif dan kreatif bagi isu-isu yang melibatkan pengurusan dan tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan. Kesemua topik yang dibincangkan menjurus kepada isu-isu, cabaran semasa dan cadangan strategi dalam melaksanakan agenda PBT seperti Sustainable Development Goal dan New Urban Agenda.

Antara intipati yang disampaikan sepanjang konvesyen adalah :

a) Bandar Kita Milik Kita

Dalam konteks Majlis, MPSJ perlu memainkan peranan untuk menyemai rasa kepunyaan dan kebanggaan rakyat terhadap bandar mereka. MPSJ harus berusaha untuk menggembleng penglibatan rakyat dalam program-program yang dilaksanakan. MPSJ harus berusaha untuk mendengar suara rakyat, memberi perkhidmatan yang menggembirakan rakyat, meningkatkan hubungan mesra dengan rakyat dan memberi perhatian khusus kepada mereka dengan memberikan pengiktirafan dan penghargaan atas keterlibatan dalam program-program.

b) Budaya Integriti

Pihak Berkuasa Tempatan merupakan kerajaan yang berada paling dekat dengan rakyat dan menjadi barisan hadapan yang sentiasa dalam pengamatan dan penilaian rakyat dari segi profesionalisme dan integriti. Oleh itu amalan profesionalisme dan integriti perlu menjadi budaya dalam setiap diri individu. Agenda rakyat perlu diberi keutamaan kerana PBT diwujudkan adalah untuk mentadbir urusan rakyat.

MPSJ perlu melaksanakan kerja mengikut peraturan tanpa sebarang penyalahgunaan kuasa. Penyalahgunaan kuasa boleh berpunca daripada kelewatan membuat keputusan. Keputusan yang sengaja dilambatkan merupakan permulaan dalam rasuah dan amalan ini akan menjejaskan seluruh pentadbiran dan membawa keruntuhan sesebuah organisasi.

c) Kecekapan Tadbir Urus

Prinsip *the government of the day* dan *the rules of law* perlu sentiasa dipatuhi. Justeru, dasar dan arahan kerajaan yang memberi impak tinggi kepada rakyat perlulah diterjemah dalam bentuk pelaksanaan oleh pentadbir dengan sebaik-baiknya.

Ianya bukan hanya sekadar membuat keputusan yang betul tetapi lebih kepada memastikan amalan proses yang betul dalam membuat keputusan yang tepat. Tadbir urus yang baik mengamalkan ketelusan, pematuhan kepada the rule of law, responsif, inklusif dan lain-lain. Ianya bertujuan untuk membangunkan keyakinan komuniti terhadap PBT yang akan menyumbang kepada pencapaian keputusan yang lebih tepat serta membantu PBT dalam menyempurnakan tanggungjawab legislatifnya.

MPSJ akan terus memperkasakan budaya kerja cemerlang dan sentiasa menilai semula proses dan prosedur kerja sedia ada bagi meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan.

d) Revolusi Perindustrian 4.0

Industri 4.0 akan memodenkan semua sektor di Malaysia yang menjurus ke arah pendigitalan sejajar dengan keperluan semasa. Usaha ke arah mengautomasikan sistem-sistem di MPSJ akan terus diperluaskan untuk meningkatkan efisiensi perkhidmatan. Selain daripada itu MPSJ sentiasa merangsang inovasi baharu, meningkatkan tahap penguatkuasaan dan meyediakan sistem pemantauan serta penilaian kerja yang realistik.

- iv) Puan Yang Dipertua telah diberi peluang untuk turut serta sebagai salah seorang panel dalam konvensyen pemeraksanaan PBT dan telah menyampaikan taklimat bertajuk Small Cities, Big Dreams.

Secara amnya, sebuah “Bandar Kecil” bermaksud sebuah bandar yang mempunyai populasi penduduk dan saiz yang kecil serta tidak mempunyai kemampuan belanjawan yang besar. Cabaran bagi bandar-bandar kecil ini ditangani dengan idea-idea yang unik dan inovatif.

MPSJ mempunyai populasi penduduk sebanyak 725,070. Bagi mencapai impian menjadi Bandaraya bertaraf antarabangsa, MPSJ perlu mengoptimumkan bajet yang ada dengan melaksanakan projek yang mempunyai nilai dan impak yang besar. Inisiatif yang boleh dilaksanakan melalui kaedah berikut :

- a) Place Making
  - b) Branding & Marketing
  - c) Collaboration & Upscaling
  - d) Inclusive Development
- v) MPSJ telah meluluskan kenaikan caj sita kenderaan yang ditangkap ketika membuang sampah di tempat awam. Sebarang lori yang ditangkap ketika membuang sampah di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Subang Jaya boleh ditahan dan dikenakan tindakan sitaan di bawah UUK 21, Undang-undang Kecil Pembuangan, Pengutipan Dan Pelupusan Sampah Sarap (MPSJ) 2007.

Bermula 1 Disember 2018, setiap kenderaan yang disita boleh dikenakan kompaun sebanyak RM1000.00, kos perkhidmatan

sebanyak RM300.00 dan kos simpanan sebanyak RM100.00 sehari. Bagi tahun 2018, sebanyak 14 buah lori telah disita bagi kesalahan pembuangan sampah.

- vi) MPSJ telah meluluskan kenaikan caj kos pembersihan semak-samun rumah kosong dan tanah lot persendirian dalam kawasan pentadbiran MPSJ. Bagi kes-kes semak samun di rumah tidak berpenghuni atau tanah lot persendirian yang didapati telah menimbulkan kacauganggu kepada orang awam, Notis Kacauganggu arahan pembersihan semak-samun akan dikeluarkan kepada pemilik rumah/pemilik tanah lot persendirian.

Selepas tamat tempoh notis, sekiranya Pemilik ingkar pihak MPSJ akan menjadualkan kerja-kerja pembersihan yang akan dilaksanakan oleh kakitangan MPSJ dan caj akan dibilkan kepada Pemilik.

Bermula 1 Januari 2019, Pemilik akan menanggung kos pembersihan yang dijalankan oleh Majlis mengikut keperluan bilangan kakitangan dan logistik yang digunakan oleh Majlis semasa pembersihan seperti kadar berikut:

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>BIL HARI</b>	<b>HARGA (RM)</b>
1.	Pekerja (PRA)	1	49.00/seorang
2.	Lori + pemandu + kos pelupusan	1	250.00/sebuah
3.	Backhoe + pemandu	1	500.00/sebuah
4.	Kos pengurusan	5% daripada jumlah kos keseluruhan	

- vii) MPSJ telah melaksanakan projek menaik taraf mesin kios MPSJ bagi penerimaan kutipan cukai taksiran PBT Selangor bermula 16 Oktober

2018 dan kutipan cukai tanah dan cukai petak Pejabat Tanah dan Galian Selangor bermula pada 23 Januari 2018.

Objektif utama MPSJ menerima bayaran cukai tanah, cukai petak dan cukai taksiran di mesin kios MPSJ adalah selaras dengan Teras 1 Pelan Strategik MPSJ 2012-2030 iaitu 'Ke Arah Kaunter Sifar' bagi mengurangkan kesesakan di kaunter terutamanya semasa musim puncak terutama apabila pihak PTGS mengumumkan untuk mengenakan cukai petak kepada pemilik harta kepada premis bertingkat pada tahun 2019. Dianggarkan cukai petak bagi kawasan MPSJ sebanyak 111,000.

Selain daripada itu juga pihak Majlis ingin memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada para pelanggan dengan menyediakan mesin kios dimana pelanggan boleh berurusan dengan cepat tanpa perlu menunggu giliran ke kaunter bayaran.

Mod bayaran untuk cukai tanah, cukai petak dan cukai taksiran yang dibenarkan di kios MPSJ adalah tunai sahaja iaitu sama seperti kutipan di kaunter bayaran sebelum ini.

Lokasi mesin kios yang boleh menerima pembayaran cukai tanah, cukai petak dan cukai taksiran adalah seperti berikut:-

- a) 4 unit mesin kios di ibu pejabat MPSJ
- b) 1 unit di Bilik 24 (Kaunter Pandu Lalu MPSJ)
- c) 1 unit di Pejabat Cawangan Bandar Puteri
- d) 1 unit di Pejabat Cawangan Seri Kembangan

Waktu operasi mesin kios seperti berikut :

- a) Ibu pejabat dan Pejabat Cawangan MPSJ  
Hari : Isnin – Jumaat  
Masa : 8.00 pagi – 5.00 Petang sahaja
- b) Mesin Kios di Bilik 24 jam (Kaunter Pandu Lalu MPSJ)-  
beroperasi setiap masa tanpa had

viii) Program-program Majlis yang akan dilaksanakan adalah seperti yang berikut:

- a) Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Kebun Komuniti MPSJ 2018

Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Kebun Komuniti MPSJ 2018 akan diadakan pada :

Tarikh : 20 Disember 2018 (Khamis)  
Masa : 2.30 Petang  
Tempat : Dewan Kenanga, Aras 1  
MPSJ

- b) Majlis Kesyukuran Dan Perasmian Surau Taman Perindustrian

MPSJ akan mengadakan Majlis Kesyukuran dan Perasmian Surau Taman Perindustrian seperti berikut :

Tarikh : 28 Disember 2018 (Jumaat)  
Masa : 8.00 pagi  
Lokasi : Surau Taman Perindustrian  
Jalan TP 2, Taman Perindustrian UEP, 47600  
Subang Jaya



- c) Majlis Penyerahan Lori Kompaktor Dan Armroll Bagi Kutipan Sampah Domestik Dan Pembersihan Awam Di Majlis Perbandaran Subang Jaya Oleh KDEB Waste Management Sdn Bhd

Bermula 1 Januari 2019, kerja-kutipan sampah domestik dan pembersihan awam di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Subang Jaya akan diuruskan oleh pihak KDEB Waste Management Sdn Bhd. Satu majlis penyerahan lori kompaktor dan armroll bagi kutipan sampah dan pembersihan awam akan diadakan seperti berikut:

Tarikh : 28 Disember 2018 (Jumaat)  
Masa : 10.30 pagi – 12.00 tengahari  
Tempat : Bengkel Kejuruteraan MPSJ  
Jalan TP 2, Taman Perindustrian UEP, 47600  
Subang Jaya, Selangor  
VVIP : Yang Berhormat Tuan Ng Sze Han

### **3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 11/2018**

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 11 Tahun 2018 yang telah diadakan pada 22 November 2018 (Khamis) disahkan tanpa pindaan.

#### 4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

Tiada perkara berbangkit.

#### 5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

##### 5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil.11/2018 Bertarikh 9 Oktober 2018

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 3.1 & m/s 4	Encik Tai Cheng Heng	Kertas cadangan Program 'Back To School' Bagi Program Kesejahteraan Masyarakat Bandar (PKMB) JKP 2018	Beliau mencadangkan peruntukan dimasukkan dalam akaun JKP dan pihak JKP akan menyerahkan nama penerima memandangkan kesuntukan masa untuk mendapatkan nama penerima yang layak.  <b>Maklum balas :</b>  Puan Yang Dipertua

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
				<p>memaklumkan bahawa pihak JKP perlu membuat serahan nama penerima yang layak kepada MPSJ sebelum 31 Januari 2019.</p> <p style="text-align: center;"><b>Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat</b></p>
2.	Para 3.3 & m/s 6	Encik Mohd Tarmizi bin Lazim	Kertas Makluman Laporan Keseluruhan Inden JKP MPSJ Sehingga 31 Oktober 2018	<p>Beliau memohon agar dipercepatkan tempoh kelulusan bagi kerja-kerja Inden.</p> <p><b>Maklum balas :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa MPSJ akan mengkaji dan melihat semula prosedur berkaitan inden bagi meringkaskan prosedur sedia ada. Beliau mencadangkan agar skop penggunaan inden</p>

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
				<p>diperluaskan dan Ahli Majlis boleh mencadangkan skop atau projek yang bersesuaian serta berguna untuk komuniti seperti projek berbentuk penambahbaikan infrastruktur dan lain-lain.</p> <p style="text-align: center;"><b>Tindakan : Jabatan Kejuruteraan / Jabatan Pembangunan Masyarakat</b></p>
3.		Encik Yap Kok Weng		<p>Beliau bersetuju dengan cadangan agar skop bagi kerja-kerja inden diperluaskan.</p> <p><b>Maklum balas :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua meminta dikaji cadangan ini dan dibentangkan kertas kerja berkaitan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan akan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>datang.</p> <p style="text-align: center;"><b>Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat</b></p>
4.	Para 8.4.14 & m/s 29	Encik Mohan Singh A/L Surtar Singh	Balai Masyarakat TK 2, Taman Kinrara	<p>Beliau meminta agar dibuat pembedulan 15 minit mesyuarat daripada diceroboh oleh pengunjung kuil bersebelahan kepada diceroboh oleh orang awam.</p> <p><b>Maklum balas :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua meminta dibuat pindaan 15 minit.</p> <p style="text-align: center;"><b>Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat</b></p>
5.	Para 6.2 & m/s 17	Encik Yap Kok Weng	Kertas Permohonan Menggunakan Dewan	Beliau meminta disemak semula keputusan kerana permohonan yang dibuat semasa mesyuarat adalah

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			<p>Serbaguna MPSJ, Laman Puteri 3 Bagi Tujuan Program Latihan Badminton Oleh JKP Zon 16</p>	<p>2 gelanggang (jam 5 petang hingga 7.00 malam) dan 3 gelanggang (jam 7.00 malam hingga 9.00 malam).</p> <p><b>Maklum balas :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua meminta dibuat semakan dan pindaan minit sekiranya perlu.</p> <p><b>Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat</b></p>
6.	-	Encik Mohd Tarmizi bin Lazim	Anugerah JKP Zon Bersih MPSJ	<p>Beliau memohon agar MPSJ dapat menambahkan jumlah kehadiran ahli JKP daripada 12 orang kepada 15 orang bagi setiap zon semasa anugerah tersebut.</p> <p><b>Maklum balas :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua</p>

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
				<p>memaklumkan penambahan kehadiran akan menyebabkan peningkatan dari segi kos. Jabatan diminta membuat pengiraan semula dan menyemak bajet yang diperlukan.</p> <p style="text-align: center;"><b>Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat</b></p>
7.	-	-	-	<p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa MPSJ akan melaksanakan Program Dialog Antara YDP, Adun-Adun Kawasan MPSJ dan Ahli Majlis kawasan. Dialog ini akan dibuat secara berperingkat mengikut kawasan adun bagi membincangkan masalah yang dihadapi di kawasan berkaitan.</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<b>Tindakan : Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik</b>

## 5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan Pembangunan MPSJ Bil. 22/2018 bertarikh 22 November 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para iv & m/s 4	Encik Tai Cheng Heng	Y.B Tuan Ean Yong Hian Wah	Beliau memaklumkan YB Tuan Ean Yong Hian Wah bukan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan tempatan, Pembangunan Kampung Baharu dan



Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>Pemutihan Kilang Haram. Beliau meminta dibuat pindaan kepada Adun Seri Kembangan.</p> <p><b>Maklum balas :</b> Puan Yang Dipertua meminta urusetia mesyuarat membuat pindaan terhadap minit.</p> <p><b>Tindakan : Jabatan OSC</b></p>
2.	Para 4.4 & m/s 12	Encik Yap Kok Weng	Permohonan Kebenaran Merancang Untuk : Huges Development Sdn. Bhd.	Beliau meminta dilihat semua cadangan nama jalan dan memohon agar dibuat pertukaran cadangan nama tersebut agar tidak mengelirukan dengan nama jalan sedia ada.

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
				<p><b>Maklum balas :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua bersetuju mempertimbangkan semakan semula cadangan nama jalan agar tidak bersamaan dengan nama jalan sedia ada dan dicadangkan menggunakan nama burung tempatan. Perbincangan lanjut akan dilaksanakan dengan pihak pemaju.</p> <p><b>Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar</b></p>

### 5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan Pembangunan MPSJ bil. 23/2018 bertarikh 6 Disember 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 4.5 (a) & m/s 21	Encik Chia Yew Ken	Permohonan Kebenaran Merancang Material Bangunan MPSJ.JPB.BP 1.600-1/4/275	Beliau inginkan penjelasan adakah asrama pelajar di kawasan komersial perlu dilesenkan dan cadangan agar dibuat semakan berkala setiap tahun sebelum dibenarkan membuat pembaharuan lesen bagi memastikan mereka tidak melanggar peraturan ditetapkan.  <b>Maklum balas :</b>

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
				<p>Puan Yang Dipertua memaklumkan asrama perlu memohon lesen. Beliau bersetuju untuk mempertimbangkan agar pemeriksaan tambahan dimasukkan dalam syarat dan asrama akan diperiksa agar mematuhi peraturan yang ditetapkan sebelum pembaharuan lesen diluluskan.</p> <p><b>Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar</b></p>
2.	-	-	Isu Rumah Tumpangan	Puan Yang Dipertua memaklumkan

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
			(Homestay)	bahawa MPSJ akan terlibat dalam perbincangan bersama pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) berhubung perkara pelesenan / kelulusan perniagaan berkonsepkan rumah tumpangan (homestay). Perkara ini telah menjadi trend masa kini dan kerajaan tiada sebarang dasar atau pendirian yang tetap berhubung perkara ini. Amalan sedia ada, MPSJ hanya melesenkan

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
				permohonan di premis perniagaan sahaja dan tidak di kawasan perumahan. Ahli Majlis dimohon mengutarakan sebarang pandangan atau cadangan bagi MPSJ menetapkan satu dasar berhubung perkara ini.  <b>Makluman</b>

#### **5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan Pembangunan MPSJ bil. 24/2018 bertarikh 18 Disember 2018**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 11/2018  
bertarikh 12 Disember 2018**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 11/2018  
bertarikh 13 Disember 2018**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil.  
8/2018 bertarikh 13 Disember 2018**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
1.	Para 5.4.1 & m/s 9	Encik Yap Kok Weng	Permohonan hiasan Tanglung sempena Tahun Baru	Beliau menanyakan adakah MPSJ mempunyai peruntukan khas untuk lampu hiasan.

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
			Cina 2019	<p><b>Maklum balas :</b> Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa MPSJ tidak mempunyai peruntukan khas bagi pemasangan lampu hiasan pada musim perayaan. Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik diminta membuat kajian lokasi dan kos yang terlibat bagi melihat keberkesanan sekiranya perkara ini dilaksanakan.</p> <p><b>Tindakan : Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik</b></p>
2.	-	Ar. Kamarul Hisham bin	Laluan masuk ke Subang	Beliau ingin tahu apakah yang



<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
		Hj. Yeop Hashim	Jaya	<p>dilakukan di tepi jalan laluan masuk ke kawasan Subang Jaya.</p> <p><b>Maklum balas :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa MPSJ sedang melaksanakan projek menaik taraf pintu masuk ke kawasan Subang Jaya. Projek ini dimulakan dengan pintu masuk ke Subang Jaya dan akan dipanjangkan ke kawasan pintu masuk yang lain.</p> <p><b>Makluman</b></p>
3.	Para 5.4.2 & m/s 10	Encik Thomas Low Yew	Pencantasan pokok	Beliau meminta dibuat pindaan minit daripada dalam BPU

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
		Sin		<p>5 kepada jalan BPU 5.</p> <p><b>Maklum balas :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua meminta urusetia membuat pindaan minit terhadap perkara tersebut.</p> <p><b>Tindakan : Jabatan Landskap</b></p>

### 5.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat MPSJ Bil. 10/2018 bertarikh 14 Disember 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	-	Encik Yap Kok Weng	Pengerusi Jawatankuasa Audit dan Pengurusan	Beliau memaklumkan Pengerusi Jawatankuasa Audit dan Pengurusan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			Korporat	<p>Korporat yang baharu bagi penggal 2019 akan diambil alih oleh Ahli Majlis daripada Parti Amanah.</p> <p><b>Maklum balas :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa Pengerusi Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat yang baharu bagi penggal 2019 adalah Encik Frankie Koh Eng Kee daripada parti Amanah. Beliau mengucapkan tahniah di atas perlantikan dan terima kasih kepada Encik Yap Kok Weng di atas sumbangan, kerjasama dan komitmen yang telah diberikan sepanjang</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				menjadi pengerusi penggal 2018. <b>Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan</b>

### 5.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kawalan Perniagaan MPSJ Bil. 11/2018 bertarikh 17 Disember 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 11.2 (ii) & m/s 66	Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim	Isu tempat letak teksi di luar jalan Persiaran Subang Permai	Beliau ingin tahu status penyelesaian berkaitan isu tempat letak teksi di luar jalan Persiaran Subang Permai <b>Maklum balas :</b> Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa perbincangan dengan

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
				<p>pihak Mydin berkenaan penyediaan tempat letak teksi dalam kawasan premis mereka tidak dapat dilaksanakan. Beliau memaklumkan bahawa sesuatu perkara / keputusan yang dibuat perlu mematuhi dasar yang telah ditetapkan. Sekiranya perkara tersebut baharu dan tiada dasar yang dikeluarkan, maka ianya perlu dikaji secara menyeluruh. Tindakan lanjut perlu diambil dan cadangan adalah penyelesaian seperti berikut:</p> <p>i) Perkara ini perlu dibuat semakan secara dasar adakah MPSJ menetapkan dalam syarat</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>pembangunan sedia ada bahawa pihak shopping mall perlu menyediakan tempat letak teksi dalam premis mereka, atau</p> <p>ii) Sekiranya MPSJ ingin mengeluarkan dasar baharu iaitu mensyaratkan menambah syarat pembangunan sedia ada, ianya perlu dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa, atau</p> <p>iii) Pihak Majlis bertanggungjawab dalam menyediakan kemudahan perhentian bas / teksi. Perbincangan lanjut perlu dilaksanakan bagi</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				melihat kesesuaian lokasi. <b>Tindakan : Jabatan Bangunan dan Perancangan Bandar</b>

#### 5.10 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat MPSJ Bil. 9/2018 bertarikh 17 Disember 2018

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

### 6.0 **PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT / USUL**

#### 6.1 KERTAS CADANGAN PEMBERIAN INSENTIF UNTUK PEMBAYARAN CUKAI TAKSIRAN 2019 MELALUI PORTAL MPSJ

Kertas mesyuarat ini disediakan oleh Jabatan Hasil dan telah dibentangkan oleh Puan Sharifah Rohaida binti Abdul Rahman, Pengarah Hasil.

#### **Keputusan Mesyuarat :**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju** menerima kertas cadangan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Hasil**

## **6.2 USUL MEMOHON MELANJUTKAN PROGRAM KELULUSAN KHAS BINAAN TAMBAHAN RUMAH KEDIAMAN YANG AKAN TAMAT PADA 31 DISEMBER 2018**

Usul ini disediakan dan dibentangkan oleh Tuan Ar Kamarul Hisham bin Hj Yeop Hashim.

### **Keputusan Mesyuarat :**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju** menerima usul tersebut dan Program Kelulusan Khas Binaan Tambahan Rumah Kediaman akan dilanjutkan selama 6 bulan sahaja. Mesyuarat juga bersetuju fi pengemukaan pelan dikekalkan tetapi kadar rata kompaun dinaikkan kepada RM750.00 dalam tempoh lanjutan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Bangunan**

## **6.3 USUL SOLIDARITI BUAT ALLAHYARHAM MOHD ADIB**

Usul ini disediakan dan dibentangkan oleh Encik Abbas Salimmi bin Che Adzmi @ Azmi.

### **Keputusan Mesyuarat :**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju** menerima usul tersebut dan satu tabung khas bagi kutipan sumbangan daripada kakitangan MPSJ akan dilancarkan.

**Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan**



## **7.0 PENUTUP**

Puan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.25 tengahari. Beliau berharap tahun 2019 akan membawa sinar yang gemilang kepada MPSJ ke arah Bandaraya. Mesyuarat Penuh MPSJ bulan **Januari 2019** akan diadakan pada **23 Januari 2019 (Rabu)** jam 10.00 pagi.

Tarikh Disediakan : 20 Disember 2018

**" MEMBANGUN BANGSA MEMAKMUR NEGERI "**

**" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "**

**Disediakan oleh;**

.....  
**(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI),** A.M.N., A.M.S.  
Timbalan Yang Dipertua  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

**Disahkan oleh;**

.....  
**(NORAINI BINTI ROSLAN),** S.I.S., P.P.T  
Yang Dipertua  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

## LAMPIRAN A

### HADIR

- |     |   |   |             |
|-----|---|---|-------------|
| 1.  | Puan Noraini binti Roslan, S.I.S., P.P.T<br>Yang Dipertua                                 | - | Pengerusi   |
| 2.  | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.<br>Setiausaha Perbandaran Mesyuarat | - | Setiausaha  |
| 3.  | Encik Yap Kok Weng  | - | Ahli Majlis |
| 4.  | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli  | - | "           |
| 5.  | Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim  | - | "           |
| 6.  | Encik Mohd Tarmizi bin Lazim  | - | "           |
| 7.  | Encik M Anbarasan a/l Murugesu  | - | "           |
| 8.  | Encik Mohd Fitri bin Jamaludin  | - | "           |
| 9.  | Puan Sharmazira binti Md Sharif   | - | "           |
| 10. | Encik Ismail Kamal bin Abdul Rahman   | - | "           |
| 11. | Encik Keshminder Singh a/l K.Karam Singh  | - | "           |
| 12. | Encik Thomas Low Yew Sin  | - | "           |
| 13. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh  | - | "           |
| 14. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi  | - | "           |

- |     |  |   |   |
|-----|--|---|---|
| 15. | Encik Chia Yew Ken                       | - | " |
| 16. | Encik Tai Cheng Heng                     | - | " |
| 17. | Encik Thamilarasu Sandayan               | - | " |
| 18. | Encik Wong Yii Seang                     | - | " |
| 19. | Encik Lee Jen Uyin                       | - | " |
| 20. | Encik Abbas Salimmi bin Che Adzmi @ Azmi | - | " |
| 21. | Encik Koh Eng Kee                        | - | " |
| 22. | Dato' Kamaruzaman bin Ibrahim            | - | " |
| 23. | Encik Ahmad Faidzal bin Mohamed          | - | " |

#### **TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)**

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
2. Puan Hamizun binti Hj. Mohamad Basar, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
3. Tuan Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N, A.M.S  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
4. Encik Ismail bin Salim  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan

5. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.  
Pengarah, Jabatan Kesihatan
6. Puan Hjh Anita binti Abd Jalil, P.P.T.  
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
7. Puan Hjh. Aida binti Omar  
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
8. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Hasil
9. Puan Azura binti Mohd Don  
Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
10. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Audit Dalam
11. Encik Nazarudin bin Mashtuki  
Pengarah, Jabatan Kontrak & Ukur Bahan
12. Encik Samzol bin Saat  
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
13. Cik Rozdiana binti Mohd Rosmi  
Pengarah, Jabatan OSC
14. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.  
Pengarah, Jabatan Bangunan
15. Puan Rosmawati binti Zainuddin  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap

16. Puan Emilia binti Nasir  
Penolong Pengarah, Unit Integriti
17. TPr Rohana binti Ramli  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancang Bandar
18. Encik Saipudin bin Sulaiman  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pelesenan
19. Encik Emyshimy Rizal bin Nasaruddin  
Pegawai Undang-Undang, Jabatan COB

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

1. Puan Kavitha a/p Chandragesan - Ahli Majlis
2. Puan Ng Seow Chen - "
3. Encik Ismail bin Muhamad, A.I.S  
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
4. Encik Muhammad Zaki bin Yusof  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
5. Encik Muhammad Azli bin Miswan  
Pengarah, Jabatan Pelesenan
6. Encik Muhd Hasnizam bin Hassan  
Pengarah, Jabatan COB

## **URUS SETIA**

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda  
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan